

TEMA 7	MS 125	UNIT 18	PEMBAYARAN TANPA TUNAI
TATABAHASA			
NAMA: _____		KELAS: _____	
AKTIVITI	Baca petikan dialog pada Buku Teks ms 125, kemudian kenalpasti kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama dan penjodoh bilangan. Senaraikan dalam ruangan di bawah.		

Pembayaran Tanpa Tunai

Zara dan keluarganya ke **Pasar Raya Impian** untuk membeli barangan keperluan.

Ibu: Mari **kita** ke bahagian **makanan**. Ibu ingin membeli dua **peket gula**, **sekampit beras** jenama **Kejora**, dua **botol sos cili Delima** dan tiga **tin susu** cair.

Zara: Baiklah, ibu. Bolehkah **saya** dan **Fika** membeli **sebuku** roti? **Kami** mahu bersarapan **roti** bakar pada pagi esok.

Ibu: Boleh, **Zara**. Ayah akan membayarnya menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai.

Zara: Apakah maksud pembayaran tanpa tunai, ayah?

Ayah: Maksudnya, kita melakukan pembayaran menggunakan **kad debit**. Pembayaran akan dipotong daripada **akaun bank**.

Fika: Ibu, **Puan Khoo** akan berkunjung ke **rumah** kita petang nanti. **Beliau** akan datang bersama-sama dengan anaknya. Apakah yang akan kita hidangkan?

Ibu: Kita belikan mereka **sebiju kek** dan **sesikat pisang**.

Fika: Ibu, boleh saya membeli **sekotak** coklat untuk **Li Yen**? **Dia** akan menyambut ulang tahun kelahirannya esok.

Ibu: Ya, boleh, Fika. Selepas ini, ibu ingin membeli **seekor** ayam, **seikat** sawi dan beberapa **tongkol** jagung.

Sejam kemudian, **mereka** pun menuju ke kaunter pembayaran

Zara: Wah, mudahnya ayah membuat pembayaran tanpa tunai! Kita akan lebih selamat kerana tidak perlu membawa wang tunai yang banyak.

kata nama
am

1. makanan

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

6. kad debit

7. _____

8. akaun bank

9. _____

10. pisang

kata nama
khas

1. Pasar Raya Impian

2. _____

3. _____

4. _____

5. Zara

6. Puan Khoo

7. _____

kata ganti
nama

1. kita

2. _____

3. _____

4. nya

5. _____

6. dia

7. _____

penjodoh
bilangan

1. paket

2. _____

3. _____

4. tin

5. _____

6. sesikat

7. _____

8. _____

9. ekor

10. buku